**Akhbar** : China Press

**Tarikh** : 15 .11.2021

**Muka Surat** : A10

**Tajuk** : Bersama membangunkan Pelan Perpaduan Keluarga Malaysia, Halimah menyeru cadangan daripada rakyat

Menteri Perpaduan Negara, Datuk Halimah Sadique mengatakan kementerian berkenaan akan membangunkan Pelan Perpaduan Keluarga Malaysia berasaskan prinsip "faham, terima dan hormat" bagi mengukuhkan perpaduan antara kaum berbeza.

Halimah berkata, empat dimensi utama dalam pembentukan sebuah Keluarga Malaysia, iaitu karib, aksesibiliti, majmuk dan inklusiviti yang membawa kepada penggunaan 'KAMI' dalam pelan perpaduan itu, juga menjadi tumpuan utama pelaksanaannya.

"Demi memastikan pembangunan pelan ini melibatkan pelbagai lapisan masyarakat, kementerian mengajak semua rakyat Malaysia sama-sama menyumbang cadangan, idea dan komen konstruktif," katanya berucap melancarkan Sesi Maklum Balas Rakyat KAMI@ Pelan Perpaduan Keluarga Malaysia 2021-2025 dan Program Pemerkasaan Skuad Uniti RT Cares di sini hari ini.

Kementerian juga, katanya, bekerjasama dengan Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan Universiti Sains Malaysia (USM) untuk mengenal pasti dan merangka pelan perpaduan itu, dengan kajian dilakukan di lima zon, iaitu utara, tengah, timur, selatan dan Borneo.

Beliau berkata, pelan itu buat kali pertama dibawa ke Pahang untuk sesi maklum balas dengan proses itu dijangka berjalan selama sebulan bagi membolehkan ia dibawa ke setiap daerah untuk kementerian mendapat input secara langsung daripada semua pihak.

Pelan perpaduan itu juga, kata Halimah, dirangka selari dengan teras Dasar Perpaduan Negara dan aspirasi Rangka Tindakan (blueprint) Perpaduan Negara serta Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2022-2030 yang bermatlamatkan mencapai kesepaduan sosial dan perpaduan mampan.

Halimah juga berkata rogram pemerkasaan Uniti RT Cares, merupakan inisiatif memperluaskan peranan skuad sukarelawan itu yang telah ditubuhkan pada peringkat komuniti Rukun Tetangga pada 2014 dengan nama skuad uniti dan setakat ini, terdapat 125 skuad di seluruh negara.

"Pemerkasaaan ini turut melibatkan peranan skuad dalam meningkatkan kualiti, keharmonian dan kesejahteraan komuniti rukun tetangga yang terjejas dengan pandemik COVID-19, antaranya melalui agihan kotak makanan dan bantuan kebajikan ziarah perpaduan," katanya.

## 共同制定大馬一家計劃

# 哈麗瑪吁國人提意見




■嘉宾推展团结之友关怀运动，前左起为祖基菲里、莎哈妮札与哈丽玛，右是爱达慕妮拉。

（文冬14日讯）国家团结部长拿督哈丽玛指出，国家团结部将制定一个以“认知、尊重与接纳”为主轴的大马一家团结计划，让各族群在各种差异之中加强团结。

她说，该计划从亲切、繁荣、包容与可达致等4个层面，采用“我们”（Kami）的用词，来制定团结蓝图。

她说，计划将贯彻大马一家精神，并通过更有规划，以及有效的活动计划，秉承以民为本理念达致国民团结。

她希望各阶层人民，提供意见与建议，共同制定与积极参与大马一家团结计划。

哈丽玛今日在文冬市议会礼堂为2021-2025大马一家团结计划之“人民回馈运动与强化团结之友行动计划”主持推介礼时，如此讲话；出席者包括彭亨州文化、团结、社会、福利、妇女及家庭发展委员会主席拿督斯里莎哈妮札、文冬县长拿督祖基菲里、文冬市议会主席拿督爱达慕妮拉等。

### 加強社區和諧

她说，理大社会科学研究中心将在团结部委托下，在5区，即东部、南部、西部、北部与婆罗州，展开考察工作，以策划与制定团结计划。

她说，彭亨州是第一个推介上述计划的州属，类似运动将在国内各县区推行，以直接征求社区人民和组织的看法。

哈丽玛说，大马一家团结计划，与民族团结政策、民族团结蓝图和2022-2030国家团结行动计划是一致的，目的是要达致社区团结。

她说，团结之友行动计划，将让现有睦邻计划志愿队，扮演更重大的角色，包括提升素质，加强社区亲善与和谐。

她说，目前国内已成立125个团结之友志愿队，有关志愿队在疫情期间，推行团结关怀计划，为有需要者分发物资。

A10